

L I V E

T H E D I F F E R E N C E



**AKU AKAN ADA
UNTUKMU
SELALU**

KANDUNGAN



04

KISAH TEMA

Aku Akan Ada Untukmu Selalu

06

AHLI

Perniagaan Yang Terbina di atas Landasan Persahabatan

08

PRODUK

PENJAGAAN KULIT

Geng Cantik Menawan

PENJAGAAN KESIHATAN

Harta Yang Tidak Ternilai

12

BUDAYA

Sahabat Yang Baik Adalah Sahabat Di Masa Susah

AKU AKAN ADA UNTUKMU SELALU

Chandler, Ross, Rachel, Phoebe, Joey dan Monica – watak-watak terkenal di dalam Siri TV 'Friends' yang menggambarkan satu persahabatan yang erat, yang diimpikan oleh semua orang. Alangkah indah jika kita juga memiliki persahabatan yang sempurna sebegini, bila mana sekumpulan rakan sudah saling mengenali kita luar dan dalam?

Kembali kepada kenyataan! Kita mungkin tidak mempunyai rakan-rakan seakrab 'Friends' – tapi sejujurnya, apalah maknanya hidup tanpa persahabatan, tiada insan yang dinamakan sahabat? Merekalah yang menyanangi kita, mengajar kita tentang banyak perkara, membenarkan kita menjadi diri sendiri, sentiasa mendengar keluhan kita, dan tempat untuk kita mengadu. Malah, merekalah yang berada di sisi kita – di kala susah dan di kala senang, tika menangis dan ketawa.

Sudah menjadi trend di zaman ini, pelbagai jenis 'cuti' telah tersenarai di dalam kalendar, termasuklah yang aneh dan pelik seperti Hari High Five Kebangsaan. Namun begitu, ada satu hari istimewa di mana sesiapa sahaja boleh

meraikannya, tua dan muda, iaitu Hari Persahabatan Kebangsaan! Diraikan pada bulan Ogos, Hari Persahabatan meraikan kasih sayang di antara sahabat, dan tiada apa yang lebih baik daripada itu!

Manusia memerlukan teman atau sahabat. Bolehkah anda bayangkan kehidupan di Zaman Batu tanpa berkawan dan bekerjasama? Walau apa pun perbezaannya, persahabatan selalunya wujud tanpa mengira silang budaya, adat, usia dan bangsa. Seorang sahabat merupakan anugerah kehidupan yang paling indah dan paling berharga. Bersempena dengan Hari Persahabatan yang bakal menjelma, apa kata anda raikannya dengan suatu hadiah yang mencerminkan kehangatan, kasih sayang dan keprihatinan anda terhadap kesejahteraan diri rakan-rakan anda.

Sahabat yang baik adalah seperti daun semanggi, payah ditemui dan bertuah jika dimiliki. Ini bermakna pemberian untuk seorang sahabat seharusnya sesuatu yang datang dari hati yang tulus. Terdapat pelbagai hadiah seperti jambakan bunga, kad ucapan, hamper makanan, buku, dsbnya...hadiah kebiasaannya diberikan pada hari lahir. Apa kata anda mencuba suatu kelainan dengan menghadihkan kecantikan dan kesejahteraan sebagai tanda kasih sayang anda kepada mereka? Itu barulah dipanggil persahabatan sejati!

Memilih hadiah yang TERBAIK buat rakan-rakan baik anda sememangnya agak sukar dan mencabar. Jangan risau, Nu Skin ada penyelesaiannya. Bantulah rakan-rakan anda tampil lebih cantik berseri dengan Nutricentials™ Face Care dan ageLOC® Transformation Set. Memiliki kulit yang halus, mulus memang menjadi idaman setiap wanita. Kini bukan lagi impian walau apa pun usia dan jenis kulit. Jadual harian yang padat atau gaya hidup yang sibuk? Bantulah rakan-rakan anda memperkuat kesejahteraan diri secara keseluruhannya dengan Pharmanex® g3 dan Marine Omega, pemakanan tambahan penting untuk membekalkan nutrisi harian secukupnya sepanjang hari.

Kita mungkin tidak lagi memerlukan sahabat untuk membantu menghimpunkan makanan atau melawan serangan haiwan liar seperti di Zaman Batu, tetapi terimalah hakikat bahawa rakan-rakanlah sebenarnya adalah penyelamat. Sahabat sejati adalah orang yang paling penting di dalam hidup kita. Mereka akan selalu ada bersama kita, walau seluruh dunia memalingkan wajah, mereka tetap akan berada di sisi memberikan sokongan.

Kehidupan tidak selalunya mudah, tetapi dengan adanya sahabat di sisi, segala yang susah akan terasa senang, Hari Persahabatan diraikan hanya setahun sekali, jadikanlah ianya penuh bermakna! Katakanlah kepada mereka betapa berharganya nilai persahabatan, tidak boleh dibeli dengan wang ringgit atau emas permata. Jadi, berikanlah sahabat anda sesuatu yang lebih bernilai, lebih bermakna seperti hadiah kesihatan dan kesejahteraan diri!



PERNIAGAAN YANG TERBINA DI ATAS

LANDASAN PERSAHABATAN

“Nu Skin, sebuah syarikat anti-penuaan tersohor di peringkat antarabangsa, suatu hari dahulu telah memulakan perjalanannya di sebuah meja makan di Provo, Utah apabila pengasasnya, Blake Roney dan rakan-rakan beliau membuat keputusan untuk melabur di dalam perniagaan yang berasaskan “segalanya yang baik, tiada yang buruk” kepada pelanggan mereka. Dengan berpegang kepada visi dan falsafah tersebut, ketiga-tiga anak muda, Blake, Steve dan Sandie telah bergabung tenaga dan mengorak langkah memulakan perjalanan perkongsian produk terbaik untuk keluarga dan rakan-rakan, di mana akhirnya membolehkan mereka menjana pendapatan yang bermula dengan modal sebanyak US\$5,000 kepada syarikat bernilai berbilion dolar.

Sebagaimana pepatah ada mengatakan, ‘perniagaan yang berkekalan terbina daripada sebuah persahabatan’, berdasarkan falsafah dan kisah kejayaan yang dikongsi bersama oleh pengasas-pengasas terdahulu, bolehkah anda juga berkongsi kisah kejayaan Nu Skin yang berlandaskan persahabatan dengan para pembaca?



1

PENNY LIM & CHUAH SENG YUAN Blue Diamond Executive

Ramai yang beranggapan bahawa dengan menjerumuskan diri ke dalam dunia perniagaan rangkaian pemasaran, anda pasti akan kehilangan kawan. Ini tidak benar sama sekali. Perniagaan Nu Skin membenarkan kami berkembang daripada satu kelompok kecil menjadi satu pasukan besar yang mempunyai minda yang serupa, setiap seorang mempunyai keyakinan untuk bermimpi besar. Persahabatan sebegini memberikan sinar baharu dalam kehidupan dan keterujaan untuk melihat dunia melalui perspektif yang berbeza, sentiasa ada tangan yang membantu, bahu yang turut sama memikul bebanan, juga sorakan semangat agar masing-masing terus memburu kejayaan demi kejayaan. Kami percaya bahawa setiap ahli pasukan baharu perlu diberi tunjuk ajar agar mereka turut berjaya, dan boleh menikmati fleksibiliti masa dan kebebasan kewangan seperti kami juga.

Kejayaan kami terbina berkat kesabaran kami membantu ramai yang lain mengubah kehidupan. Bermula daripada orang asing kepada rakan kepada sahabat dan kini rakan kongsi perniagaan yang sangat dihargai, persahabatan adalah suatu komitmen jangka panjang, dan perniagaan Nu Skin juga begitu. Oleh itu, kami benar-benar teruja untuk mengembangkan lagi jaringan persahabatan agar lebih ramai yang boleh mendapat manfaat daripada rangkaian produk terhebat dan model perniagaan yang terunggul.

3

JAY LOH & JASON LAI 1 Million Dollar Circle & Blue Diamond Executive

Permulaan yang baik sesungguhnya akan berkekalan selama-lamanya. Nu Skin telah bermula dengan falsafah dan budaya yang murni – “segalanya yang baik, tiada yang buruk”, dan itulah yang membuatkan ramai orang berterusan menyebarkan nilai-nilai positif dalam usaha mengubah kehidupan untuk menjadi yang lebih baik.

Pada awalnya, kebanyakan pemimpin jualan kami amat teruja dengan rangkaian produk Nu Skin dan peluang perniagaan yang ditawarkan. Namun begitu, apa yang membuatkan mereka kekal memilih Nu Skin adalah kerana budaya Daya Untuk Kebaikan yang diungguli oleh syarikat sebagai satu perjuangan untuk memberi makna dan mengubah kehidupan menjadi lebih baik.

Kami benar-benar bersyukur menjadi sebahagian daripada keluarga Nu Skin yang sentiasa menyebarkan kebahagiaan dan semangat positif bagi menceriakan kehidupan orang lain; yang mana membolehkan kami menjadi manusia yang lebih tinggi nilainya di mata rakan-rakan dan keluarga. Terima kasih Nu Skin.

2

YVON LIM SIEW IMM Blue Diamond Executive

Saya percaya bahawa perniagaan yang kekal lama terbina daripada persahabatan dan Nu Skin adalah satu perniagaan sesama manusia yang membolehkan kita berjaya di samping membantu yang lain juga untuk berjaya.

Saya amat berterima kasih kepada Nu Skin kerana perjalanan bersamanya telah mengembangkan kelompok persahabatan yang sedia ada, yang mana 95% daripada rakan sepasukan saya terdiri daripada mereka yang dahulunya tidak saya kenali tetapi kini menjadi sahabat baik. Merekalah rakan rapat yang sama-sama berkongsi suka duka dan gigih bersama-sama mahu mengubah kehidupan orang lain setiap hari. Nu Skin juga membolehkan saya berhubung semula dengan rakan-rakan lama kerana Nu Skin benar-benar telah mengubah saya menjadi lebih positif, berketerampilan dan lebih berkeyakinan!

Saya amat menghargai jasa EBD Jasmine Teh yang telah memperkenalkan saya kepada Nu Skin dan memberi peluang kepada saya untuk berjaya di dalam perniagaan in walaupun dahulunya kami hanya bertegur sapa apabila bertembung di tengah jalan. Matlamat saya buat masa ini adalah untuk terus menyebarkan semangat positif yang telah diterapkan sedari dulu lagi dengan cara membantu orang lain berjaya. Perkara terindah di dalam hidup ini adalah “Melihat Orang Lain Berjaya Menjadikan Kita Lebih Mulia”!

4

SAMUEL LAI & CONNIE LAI 4 Year Team Elite

Setiap kejayaan yang diraih di dalam sesebuah perniagaan tidak mungkin diperolehi kerana usaha berseorangan. Semuanya berlaku atas kerjasama satu pasukan. Seperti juga di dalam perniagaan Nu Skin, kejayaan kami tidak terbina bersendirian tetapi terbina atas kerjasama dan usaha gigih rakan-rakan sepasukan yang komited dalam mengejar impian. Kami sangat bersyukur kerana dipertemukan dengan Nu Skin, suatu landasan yang membolehkan kami membina impian yang BESAR serta mampu memberikan inspirasi kepada yang lain untuk menjalani kehidupan yang lebih baik, lebih lama!

Kebanyakan ahli sepasukan kami terdiri daripada orang asing dan tidak pernah dikenali, namun melalui perkongsian peluang perniagaan Nu Skin yang menguntungkan, rangkaian produk berinovatif dan pengkayaan budaya Daya Untuk Kebaikan, kami telah menjadi satu keluarga yang besar, terdiri daripada rakan-rakan perniagaan dan rakan kongsi perniagaan yang sentiasa menyebarkan aura positif, membantu mereka yang lain mengubah kehidupan dan meraih kejayaan demi kejayaan dengan membantu yang lain untuk berjaya! Terima kasih Nu Skin kerana menjadikan kami lebih baik dari kami yang sebelumnya.

BEAUTY BUDDIES

Pepatah lama ada mengatakan, “Teman baik adalah umpama bintang-bintang di langit – tidak kelihatan namun kita tahu mereka sentiasa ada”.

Salah satu perkara terpenting di dalam kehidupan seseorang (selain dari keluarga) adalah memiliki rakan-rakan yang sihat, stabil dan sentiasa memberikan sokongan di dalam setiap perjalanan hidup anda. Adakalanya bukan mudah bagi sekumpulan manusia boleh berhubung baik sesama ahlinya, ketawa, menangis dan bertikam lidah, namun cukup indah untuk dijadikan kenangan paling berharga. Sahabatlah yang menyerlahkan apa yang terbaik di dalam diri anda, dan itulah definisi sebenar #SquadGoals.

Ramai orang mengatakan kita seharusnya ‘Meletakkan Kaki Yang Terbaik di Hadapan’, - bukankah ini agak mengelirukan? Siapa yang hendak melihat pada kaki kita di pandangan pertama? Wajahlah sebenarnya yang patut dilihat terlebih dahulu, bukankah begitu? Memandangkan tidak lama lagi kita bakal menyambut Hari Persahabatan, jadikanlah ia lebih bermakna dengan meraiikannya bersama rakan-rakan tersayang. Tiada yang lebih indah selain menghadaikan mereka rangkaian produk penjagaan kulit terbaik yang mengandungi bahan paling efektif, agar wajah mereka tampil lebih mulus, lebih jelita pada setiap peringkat usia seperti yang mereka idam-idamkan!



NUTRISI HARIAN DARI LUAR KE DALAM

Semua orang tahu bahawa antioksidan dan multivitamin adalah penting untuk mendapatkan kulit wajah yang mulus dan berseri. Walaupun anda mungkin boleh mengadunkan buah-buahan tropikal dan sayur-sayuran yang dibeli daripada pasar, dan membuat sendiri masker muka untuk majlis #SquadGlamNite, mengapa perlu bersusah-payah? Nu Skin ada penyelesaian yang lebih mudah. Segalanya kini ada di hujung jari!

Diformulasikan dengan kandungan bahan yang menggabungkan nutrisi paling tinggi konsentrasinya dan dijamin asli, diperolehi terus daripada sumber buah-buahan dan bahan makanan terpilih, kami pasti regimen penjagaan kulit harian rakan-rakan anda – membersihkan, menyegarkan, melembap, memperkaya dan melindungi tidak akan mampu menyamai rangkaian produk Nu Skin Nutricentials™.

Ekstrak Strawberi, Lipid Phosphatidylcholine Berpaten, Papain (enzim daripada buah betik muda), Mugwort, Likoris dan Ekstrak Alga yang kesemuanya merupakan bahan utama di dalam Nutricentials™. Apabila digunakan secara konsisten, Nutricentials™ memberikan kesan perlindungan kulit jangka panjang di peringkat selular dengan cara memperbaiki serta mencegah kerosakan berlaku. Yang lebih menarik lagi, anda tidak perlu risau tentang keserasiannya terhadap kulit kerana produk Nutricentials™ telah diformulasikan khusus buat kulit normal hingga kering atau kombinasi hingga berminyak. Jadi, anda tidak perlu lagi risau tentang kesesuaian kerana anda boleh menyesuaikan regimen harian rakan-rakan anda bagi memenuhi kehendak kulit mereka. Kini anda dapat membantu mereka membuat pilihan yang paling tepat untuk memiliki kulit wajah idaman!



EMPAT YANG TEPAT

Sekarang anda telah berazam untuk memiliki kulit yang sihat dan berseri. Bagaimana pula dengan pertahanan terhadap kesan penuaan akibat pertambahan usia? Semakin cepat masa berlalu, sepantas itulah juga jumlah kolagen mula mengurangkan dan keanjalan kulit juga turut terjejas, mengakibatkan penampakan garis halus dan kedutan yang lebih ketara.

Direka khusus untuk mengundur semula kesan tanda-tanda penuaan, berikan rakan-rakan anda suatu pengalaman transformasi dengan ageLOC® Transformation Set. Memaparkan rangkaian empat produk eksklusif penjagaan kulit terhebat, mengandungi bahan-bahan bernutrisi dan berteknologi tinggi khusus untuk menentang penuaan, dengan manfaat anti-penuaan yang tiada tandingannya. Regimen ini mensasarkan sumber kepada penuaan – membersihkan, menyuci, melembap, mentransformasi dan meremajakan kulit!



ageLOC® Transformation Set ini adalah unik dalam memberikan kesan perbaikan yang komprehensif. Dirumus khas menggunakan sains ageLOC® proprietari Nu Skin yang menyasarkan sumber-sumber penuaan pada peringkat genetik dan telah dibuktikan secara klinikal mampu memperbaiki kulit melalui lapan cara yang signifikan, dalam masa tujuh hari.

Setiap skuad pasti mempunyai sekurang-kurangnya seorang ahli yang cintakan kecantikan berbanding dengan yang lain. Bersempadengan Hari Persahabatan yang bakal tiba, ceriakan hari-hari mendatang dengan menghadaikan sesuatu yang boleh menjadikan rutin kecantikan bertambah mudah, lebih bermakna. Siapa tahu, seperti terma #SquadGoals, anda juga boleh menjadikan #AgingGracefully sebagai terma inspirasi bagi kumpulan anda. Jadikannya satu matlamat atau sasaran yang perlu dicapai.

HARTA YANG TIDAK TERNILAI

“Persahabatan adalah umpama kesihatan; nilainya diketahui hanya apabila ianya telah hilang.” - Charles Caleb Colton

Tarikh 5hb. Ogos adalah Hari Persahabatan Sedunia, hari cuti yang diadakan khas untuk mengiktiraf bahawa persahabatan yang erat itu penting untuk kebahagiaan dan kesejahteraan diri kita. Sebenarnya, di dalam kalendar terdapat lebih daripada satu hari khas untuk meraikan persahabatan, iaitu Hari Sahabat Baik Kebangsaan di bulan Jun dan Hari Persahabatan Sedunia pada bulan Februari. Mengapakah persahabatan perlu diraikan? Pentingkah ia sehingga perlunya pengiktirafan? Suka atau pun tidak, persahabatan sebenarnya mengukuhkan kita semua. Dari sekecil-kecil perkara sehinggalah momen paling penting di dalam kehidupan kita, sahabat sejati adalah sebahagian daripada segala-galanya. Sahabat adalah pencetus semangat, menjadi sumber kekuatan dan inspirasi, malah sahabat jugalah yang membantu di kala susah, ketawa bersama di kala senang!

Hari Persahabatan merupakan hari yang istimewa dan paling sesuai untuk membuat kejutan buat sahabat anda. Anda tidak tahu apakah hadiah yang terbaik buat sahabat tersayang? Anda pasti inginkan kelainan daripada pemberian yang biasa seperti sekotak coklat, kad ucapan atau gelang persahabatan, bukan? Jika anda dan rakan-rakan sedang menanam keazaman untuk menjadi lebih sihat bersama, apa kata anda mulakannya sekarang? Hari Persahabatan adalah peluang yang terbaik untuk melupakan kebiasaan memberi hadiah. Raikanlah hari istimewa itu dengan merancang sesuatu yang lebih menyeronokkan dan sihat untuk dilakukan bersama rakan-rakan anda!

1. **Master Chef** – Adakan parti memasak dan sediakan suatu hidangan yang menyihatkan! Cubalah pelbagai resepi sihat atau sediakan juadah pemanis mulut tanpa gula. Memasak menjadi lebih menyeronokkan jika dilakukan bersama rakan-rakan baik anda.

2. **Geng ke Gim** – Sahabat Yang Ke Gim Bersama, Kekal Bersama. Jadikan kunjungan bersama ke gim lebih menyeronokkan dan senaman menjadi lebih mengujakan. Berpeluh bersama sahabat baik lebih menarik, bukan?

3. **Ayuh Mendaki Bukit** – Ikat tali kasut anda dan mulakan mendaki bukit bersama rakan-rakan., Selain daripada menjadi aktiviti riadah yang menarik, mendaki bukit juga mendekatkan diri anda kepada alam semula jadi, dapat melegakan stres dan meredakan kemarahan.

Kesemua aktiviti tersebut sungguh menyeronokkan jika dilakukan bersama rakan-rakan ketika meraikan Hari Persahabatan. Semua orang mahu menjadi sihat. Anda pastinya sudah mula menjaga pemakanan dan lebih rajin bersenam! Tetapi, apakah itu sudah mencukupi? Adakah anda pasti dengan amalan makan secara sihat, tubuh anda memperoleh nutrisi yang mencukupi untuk ianya berfungsi secara optimum? Dengan Pharmanex's®g3 dan Marine Omega, kedua-duanya mampu membekalkan anda dan rakan-rakan dengan vitamin, mineral dan antioksidan yang penting pada paras yang optimum!



ENAKNYA G3!

Diperolehi daripada buah hebat Gac yang kaya dengan kandungan karotenoid yang dipanggil lipokarotina dan vitamin, g3 meningkatkan pengambilan buah-buahan dan sayur-sayuran anda. Rasanya yang enak bukan sahaja sesuai dijadikan minuman bernutrisi yang sesuai bagi setiap peringkat umur, malahan ianya juga merupakan jus yang menyegarkan, yang boleh membantu memberi sokongan kepada perlindungan selular, pemulihan sel, serta meningkatkan skor karotenoid kulit anda juga!

ANUGERAH DARI LAUT

Suplemen Omega-3 digabungkan dengan minyak krill membekalkan konsentrasi EPA dan DHA yang tinggi dalam bentuk phospholipid yang unik, untuk kegunaan pada otak dan membran sel di seluruh tubuh, Marine Omega sangat sesuai bagi mereka yang tidak mengambil lima atau enam hidangan ikan dalam seminggu, atau bagi mereka yang memilih untuk menghindari risiko toksin dan logam berat yang umumnya terkandung di dalam ikan.

Persahabatan dan kesihatan yang baik adalah harta yang tidak ternilai di dalam kehidupan dan ianya tidak seharusnya disia-siakan. Dengan melupakan kebiasaan memberi hadiah dan menggalakkan rakan-rakan menyertai anda menjalani gaya hidup sihat merupakan salah satu daripada hadiah paling bermakna yang boleh anda berikan untuk sahabat tersayang. Mulakanlah hari ini, sebarkan nilai-nilai positif dan kesejahteraan diri bersama Pharmanex®!





SAHABAT YANG BAIK ADALAH SAHABAT DI MASA SUSAH

Di dalam arus perdana yang serba pantas, serba canggih dan mencabar ini, memiliki seorang yang istimewa dinamakan sahabat adalah anugerah yang paling indah dan membahagiakan. Kawan Baik Selamanya atau BFF akan sentiasa ada di samping anda walau apa pun terjadi, susah senang bersama dan menyayangi anda seadanya, tanpa bersyarat.

Oleh itu, bayangkanlah, jika rakan-rakan anda berada di dalam kesusahan, adakah anda akan menolong mereka? Tidak kiralah sama ada tapak kasutnya tercabut atau kereta rosak di tengah jalan atau sesuatu yang lebih serius terjadi yang melibatkan hidup dan mati, tanpa ragu-ragu anda pasti akan berlari ke sisi mereka untuk menghulurkan bantuan. Kerana andalah sahabat mereka dan itulah makna persahabatan yang sebenarnya. Namun begitu, bagaimana pula dengan orang yang tidak kita kenali, yang bukan kawan, adakah anda akan membantu mereka juga?

Bilakah kali terakhir anda berhenti sebentar untuk membantu orang yang tidak dikenali? Setiap kali

anda meninggalkan rumah, anda pasti akan bertemu dengan orang yang tidak dikenali. Kita akan dapat rasakan suatu perasaan yang tenang apabila dapat memberi semula kepada komuniti seperti bermula dengan memberikan pujian, kemudian mengizinkan orang yang tidak anda kenali beratur di hadapan anda atau membayar harga minuman orang lain di kedai kopi. Terdapat terlalu banyak perkara berkejawatan begitu yang boleh anda lakukan! Sempena dengan Hari Persahabatan yang bakal tiba nanti, apa kata anda raikannya bersama rakan-rakan dengan menawarkan diri secara sukarela menyertai acara kebajikan yang anda semua sukai. Bukan hanya anda dapat melakukan aktiviti yang menyeronokkan dan meluangkan masa berharga bersama, anda juga

dapat mencipta memori indah dan kenangan abadi di samping menceriaikan hari orang lain!

Tiada yang lebih membahagiakan selain daripada menghulurkan bantuan kepada mereka yang memerlukan. Bertahun-tahun lamanya, Nu Skin telah melibatkan diri di dalam pelbagai inisiatif yang meninggalkan impak kepada kehidupan insan lain. Pada tahun ini, Nu Skin telah menganjurkan Kempen Derma Darah "Hanya Satu Pain. Wira-wira yang terdiri dari kalangan Pemimpin Jualan Nu Skin, Distributor dan staf telah berganding bahu, mempamerkan contoh budaya Daya Untuk Kebaikan melalui penyertaan mereka di dalam Kempen Derma Darah Nu Skin tersebut. Bersama-sama dengan sokongan orang ramai, Nu Skin telah berjaya menyelamatkan 243 NYAWA di mana sejumlah 80 pain darah telah berjaya dikumpul!

Ditubuhkan pada tahun 1984, Nu Skin berpegang teguh kepada misinya untuk menyebarkan daya untuk kebaikan ke seluruh pelusuk dunia dengan cara memperkasakan ramai orang untuk mengubah kehidupan. Baru-baru ini, Nu Skin telah meraikan Hari Force For Good, di mana seramai lebih dari 50 orang terdiri daripada Pemimpin Jualan, Brand Affiliate dan staf, telah bersama-sama menaja 20 orang kanak-kanak yang telah berjaya melalui pembedahan jantung terbuka, untuk menyertai lawatan sambil belajar ke Taman Burung Kuala Lumpur.



Pada hari tersebut, kesemua kanak-kanak, malahan orang dewasa juga sangat teruja dengan keindahan berwarna-warni dan daya tarikan yang terdapat di dalam taman burung tersebut. Semua orang berpeluang untuk bergambar secara dekat dengan pelbagai spesis burung yang unik dan cantik, mempelajari tentang bermacam-macam jenis burung yang berbeza, sehinggalah berpeluang memberi makan burung unta yang terdapat di situ. Lawatan ke Taman Burung benar-benar menggembirakan dan telah meninggalkan banyak kenangan manis buat semua yang terlibat. Memberi semula kepada masyarakat sememangnya membahagiakan dan boleh dimulakan dengan melakukan perkara yang sekecil-kecilnya. Berkongsi pengetahuan secara percuma atau membantu dalam menjayakan projek komuniti, adalah beberapa perkara murni yang boleh anda lakukan bersama rakan-rakan untuk menjadikan dunia ini lebih baik lagi. Sebagaimana kata-kata Bigweld di dalam filem 'Robots' – "Nampak keperluan, isikan keperluan!"





NU SKIN (MALAYSIA) SDN. BHD. (402787-V) License No. AJL 931384
Lot 01-05, Level 1, PNB Perdana (Commercial Centre), No. 10, Jalan Binjai, 50450 Kuala Lumpur.
Tel: 603 2170 7888 Fax: 603 2170 7999 www.nuskin.com.my

نوسکین فوائیکس (بی) سنڊیرین برحد

NUSKIN PHARMANEX (B) SDN BHD
D2, Blk D, Lot 11620, Jalan Gadong, Bandar Seri Begawan BE1718, Brunei Darussalam.
Tel: 673 2 422 225 Fax: 673 2 422 226 www.nuskin.com.bn